

Pengaruh Pengetahuan Agama ke Atas Amalan Agama dan Gaya Hidup Mahasiswa Islam Universiti Teknologi Malaysia

Ahmad Johari Bin Hj Sihes, Abdul Rahim Bin Hamdan,
Jamaluddin Bin Ramli dan Nor Salis Bte Samingan
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia
81310 UTM Skudai, Johor
p-joha@utm.my

Abstrak: Pengetahuan agama merupakan asas kepada pembentukan peribadi seseorang individu muslim. Manakala amalan pula merupakan tindakan yang dilakukan oleh seseorang berdasarkan kepada pengetahuan dan pengalaman yang dilaluinya. Hasil daripada kedua-duanya akan lahir seorang individu muslim yang sejati. Oleh itu, satu kajian telah dijalankan ke atas mahasiswa Islam Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui tahap pengetahuan agama dan amalan agama serta gaya hidup mereka agar ia dapat dijadikan panduan kepada pihak universiti untuk melahirkan intelektual Islam. Instrumen kajian ini ialah satu set soal selidik yang mengandungi 45 item. Soal selidik ini telah diedarkan kepada 300 orang mahasiswa Islam UTM yang berada di tahun tiga (3) dan empat (4) serta tinggal di kolej-kolej kediaman mahasiswa. Dapatan daripada kajian ini menunjukkan bahawa tahap pengetahuan agama mahasiswa Islam UTM adalah tinggi. Namun dari segi amalan agamanya berada pada tahap sederhana. Manakala gaya hidup yang dominan bagi mahasiswa Islam UTM adalah mengutamakan akademik dan kepimpinan. Terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan agama dengan amalan agama tetapi pada tahap yang rendah.

Katakunci: Pengetahuan agama, amalan agama, gaya hidup mahasiswa

PENGENALAN

Setiap manusia tidak dapat lari daripada kehidupan beragama. Agama merupakan satu fitrah bagi manusia sebagai panduan tatacara hidup yang perlu dipatuhi bagi membataskan setiap tingkah laku sesuai dengan situasi dan keadaan. Kesempurnaan dalam beragama menjadikan seseorang akan berada dalam aturan kehidupan yang penuh ketenangan. Oleh itu, agama Islam diturunkan adalah untuk memberi petunjuk kepada manusia melalui utusan Allah iaitu Nabi Muhammad SAW.

Apabila memperkatakan tentang Islam, kita tidak dapat lari daripada membicarakan soal akidah yang merupakan tunjang kepada pembentukan umat yang bertamadun. Asas akidah Islamiah ialah tauhid iaitu mengesakan Allah. Tauhid dalam Islam merupakan inti Islam itu sendiri. Oleh yang demikian, bukti ketauhidan seseorang muslim ialah menjunjung segala arahan Allah Ta'ala dalam kehidupan dan meletakkan dirinya sesuai dengan kedudukannya sebagai abdi (hamba) Allah. Pegangan tauhid yang teguh di kalangan individu mampu membentuk sebuah masyarakat yang aman dan harmoni.

Sayid Sabiq (1982) menyatakan bahawa agama mempunyai suatu kekuasaan yang tertinggi dalam hati dan jiwa serta memberikan kesan yang mendalam terhadap perasaan bahkan tidak ada kekuasaan atau pengaruh serta kesan yang dapat ditimbulkan oleh selain agama. Oleh itu penanaman akidah atau kepercayaan dalam hati dan jiwa adalah pilihan yang paling tepat dan merupakan jalan yang wajib dilalui untuk menimbulkan unsur-unsur kebaikan yang akan membentuk kesempurnaan kehidupan.

Profesor Dr. Yusuf Al-Qardawi (1999) menegaskan bahawa roh tamadun ialah kumpulan akidah (ideologi), kefahaman konsep, nilai, adab, tradisi yang tercermin dalam perilaku individu, kelompok manusia dan juga kelompok masyarakat. Oleh itu pembinaan masyarakat yang bertamadun memerlukan perancangan yang sistematik dan diambil perhatian yang serius oleh pemerintah.

LATAR BELAKANG MASALAH

Manusia akademik digelar sebagai manusia intelek dan sentiasa menjadi perhatian masyarakat. Golongan ini mudah mendapatkan kepercayaan masyarakat disebabkan keterbukaan cara berfikir tetapi dalam batas yang tertentu. Pada masa yang sama tingkah laku mereka sentiasa diperhatikan dan diberikan penilaian oleh masyarakat awam. Sedikit kecacatan yang berlaku pada pandangan masyarakat mampu memberikan implikasi yang begitu besar kepada manusia intelek ini. Namun demikian, tidak semua manusia akademik ini intelek malah ramai di kalangan mereka terlibat dengan pelbagai masalah sosial yang boleh menjejaskan nama baik mereka.

Profesor Dr. Yusof Al-Qardawi (1999) menyebut, krisis besar yang kita hadapi ialah krisis spiritual, moral, keimanan dan akhlak. Tidak mustahil bahawa krisis ini akan mengarah kepada ekonomi, politik, pengurusan serta sains dan teknologi. Krisis ini terjadi kerana matinya roh keimanan dan akhlak. Sedangkan pada hakikatnya, iman bersatu dengan akhlak dan ibadat. Iman mampu mengubah manusia secara total daripada segi keinginan, perilaku dan kemampuannya untuk berkorban. Iman menggerakkan ketenangan dan membangkitkan yang terpusas dalam tidurnya. Daripada aspek yang lain, iman menjaga manusia daripada hawa nafsunya dan tipu daya bisikan syaitan.

Tinjauan kasar yang dibuat memberikan satu persepsi di mana sebahagian mahasiswa kini semakin meminggirkan kepentingan agama atau pun perintah Allah. Ini kerana ramai di kalangan

mahasiswa turut terlibat dengan gejala yang tidak seharusnya berlaku ke atas mereka yang sedang berada dalam dunia akademik. Antaranya ialah berdua-duaan dalam keadaan yang mencurigakan, menjadikan perpustakaan sebagai tempat pertemuan bagi pasangan yang bercinta, penyalahgunaan dadah, mencerooh dan mencuri, menipu atau meniru dalam peperiksaan, berpakaian yang kurang sopan dan lain-lain lagi.

Mahasiswa sebagai individu yang tergolong dalam kumpulan ini menghadapi kejutan budaya apabila memasuki alam kampus. Mereka perlulah bijak memilih dan membuat keputusan apabila berhadapan dengan sebarang situasi, terutamanya yang melibatkan soal pemilihan rakan dan penglibatan dalam aktiviti sosial. Perkara ini harus diambil perhatian kerana ia akan mempengaruhi individu tersebut dalam proses mencari identiti diri yang mantap dan unik. Namun ia bukanlah sesuatu yang mudah tetapi perlu kepada kemantapan iman seseorang agar segala tindakan yang dilakukan tidak melanggar syariat Allah.

Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengetahui tahap pengetahuan asas agama dan tahap amalan agama serta gaya hidup di kalangan mahasiswa Islam. Mahasiswa merupakan sebahagian daripada golongan intelek. Namun demikian, keintelektualan mahasiswa tidak memastikan ia boleh mencapai tahap matang dan bijak memilih cara hidup mereka. Tahap umur membolehkan mereka membuat pilihan sendiri bergantung kepada faktor persekitaran.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Mengenalpasti tahap pengetahuan asas agama mahasiswa Islam.
- ii. Mengetahui tahap amalan agama mahasiswa Islam.
- iii. Mengenalpasti gaya hidup mahasiswa Islam.
- iv. Menentukan hubungan antara tahap pengetahuan agama dengan tahap amalan agama.

METODOLOGI

Sampel Kajian

Sampel kajian terdiri daripada 300 mahasiswa Islam Universiti Teknologi Malaysia, Skudai (UTM) iaitu 150 lelaki dan 150 perempuan yang berada dalam tahun 3 (160 orang) dan tahun 4 (140) serta tinggal di kolej kediaman mahasiswa yang dipilih secara rawak. Pemilihan ini dibuat

memandangkan sampel telah mempunyai pengalaman yang luas dan telah terdedah dengan budaya dan situasi masyarakat sekitar UTM.

Instrumen Kajian

Soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian yang terdiri daripada tiga bahagian iaitu:

Bahagian A: Berkaitan latar belakang responden

Bahagian B: Soal selidik aspek pengetahuan yang terdiri daripada akidah, syariah dan akhlak.

Bahagian C: Soal selidik aspek amalan yang terdiri daripada akidah, syariah dan akhlak, serta aspek gaya hidup yang terdiri daripada sosial, akademik, individualistik dan kepimpinan.

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Data dianalisis menggunakan kaedah diskriptif seperti kekerapan dan peratusan serta analisis statistik inferens iaitu ujian t dan analisis korelasi.

Jadual 1 menunjukkan bilangan dan peratus responden mengikut kategori umur dan jantina.

Responden dikategorikan mengikut umur iaitu akhir remaja (berumur 19 – 21 tahun) dan awal dewasa (berumur 22 – 24 tahun).

Jadual 1: Bilangan Dan Peratus Responden Mengikut Kategori Umur Dan Jantina

Jantina	Kategori Umur			
	Akhir Remaja (19 – 21 tahun)		Awal Dewasa (22 – 24 tahun)	
	Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)
Lelaki	94	31.3	56	18.7
Perempuan	132	44.0	18	6.0
Jumlah	226	75.3	74	24.7

Didapati seramai 94 orang (31.3%) adalah responden lelaki yang berumur antara 19 hingga 21 tahun dan seramai 56 orang (18.7%) responden lelaki adalah dalam kategori awal dewasa (22 – 24 tahun). Manakala responden perempuan pula, terdapat 132 orang (44.0%) dalam kategori akhir remaja dan seramai 18 orang (6.0%) dalam kategori awal dewasa..

Jadual 2 menunjukkan tahap pengetahuan agama mahasiswa Islam. Analisis menunjukkan bahawa keseluruhannya mahasiswa Islam mempunyai tahap pengetahuan agama yang tinggi.

Mereka tidak menghadapi masalah mengenai pengetahuan dalam bidang akidah, syariah dan akhlak. Ini menunjukkan mahasiswa Islam di UTM memenuhi salah satu kriteria untuk menjadi manusia intelek.

Jadual 2: Min Tahap Pengetahuan Agama Mahasiswa Islam

Aspek	Jantina	Bilangan	Min	Tahap
Pengetahuan	Lelaki	150	4.62	Tinggi
	Perempuan	150	4.51	Tinggi
	Jumlah	300	4.57	Tinggi

Ujian-t dilakukan untuk melihat perbezaan tahap pengetahuan agama antara jantina dan keputusannya ditunjukkan dalam Jadual 3. Min tahap pengetahuan agama bagi lelaki adalah lebih tinggi iaitu 4.62 berbanding bagi perempuan iaitu 4.51. Hasil ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan, di mana nilai t adalah 2.60 dan nilai signifikan ialah 0.010 iaitu lebih kecil daripada aras signifikan yang ditetapkan ($p < 0.05$).

Jadual 3: Ujian – t Tahap Pengetahuan Agama Mahasiswa Islam Antara Jantina

Jantina	N	Min	t	Sig. p
Lelaki	150	4.62	2.60	0.010
Perempuan	150	4.51		

Signifikan pada aras $p < 0.05$

Mahasiswa yang prihatin akan terdedah dengan pelbagai situasi yang boleh meningkatkan pengetahuan mereka lebih-lebih lagi bagi pelajar lelaki kerana pergerakan mereka yang lebih bebas berbanding perempuan. Kebanyakan mahasiswa lelaki mempunyai kenderaan sendiri yang membolehkan mereka bergerak bebas sama ada dalam mahupun di luar kampus.

Tahap pengetahuan asas agama ini juga boleh dikaitkan dengan kategori sekolah semasa pendidikan menengah mereka. Sebanyak 18.3% mahasiswa adalah daripada sekolah agama, 35% daripada Maktab Rendah Sains MARA serta Sekolah Menengah Teknik. Kebiasaannya ketiga-tiga jenis sekolah ini amat menitikberatkan perkembangan diri pelajar dengan menyediakan pelbagai program dan aktiviti yang boleh menambahkan pengetahuan agama. Tambahan pula,

semua responden tinggal di kolej-kolej kediaman yang mempunyai program keagamaan atau kerohanian masing-masing.

Jadual 4 menunjukkan tahap amalan agama mahasiswa Islam UTM. Didapati tahap amalan agama mahasiswa lelaki, perempuan dan keseluruhannya adalah sederhana dengan masing-masing mempunyai min 3.53, 3.51 dan 3.52. Mahasiswa lelaki sekali lagi menunjukkan tahap min yang lebih tinggi daripada mahasiswa perempuan, tetapi perbezaannya adalah sangat kecil.

Jadual 4: Min Tahap Amalan Agama Mahasiswa Islam

Aspek	Jantina	Bilangan	Min	Tahap
Amalan	Lelaki	150	3.53	Sederhana
	Perempuan	150	3.51	Sederhana
	Jumlah	300	3.52	Sederhana

Jika dibandingkan tahap pengetahuan agama mahasiswa yang berada pada tahap tinggi dengan tahap amalan agama yang berada pada tahap rendah menunjukkan bahawa ini adalah tidak selari atau bertepatan dengan apa yang diharapkan. Analisis korelasi Pearson dilakukan untuk melihat hubungan di antara tahap pengetahuan agama dengan tahap amalan agama mahasiswa. Jadual 5 menunjukkan keputusan analisis korelasi tersebut.

Keputusan menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang sangat lemah ($r=0.163$) antara tahap pengetahuan agama dengan tahap amalan agama mahasiswa. Walaupun demikian hubungan antara dua pembolehubah ini adalah signifikan kerana nilai signifikannya ialah 0.005 lebih rendah daripada aras signifikan yang ditetapkan ($p<0.05$). Ini menunjukkan bahawa walaupun mahasiswa Islam UTM mempunyai tahap pengetahuan agama yang tinggi tetapi tidak semestinya semua pengetahuan yang dimiliki itu diterjemahkan dan diaplikasikan ke dalam kehidupan seharian mereka.

Jadual 5: Analisis Korelasi Pearson Antara Tahap Pengetahuan Agama Dengan Tahap Amalan Agama

Aspek	r	Sig. p
Tahap Pengetahuan Agama	0.163	0.005
Tahap Amalan Agama		

Signifikan pada aras $p < 0.05$

Tahap amalan yang sederhana ini mungkin dipengaruhi oleh faktor persekitaran. Corak didikan semasa kanak-kanak memberikan kesan kepada mahasiswa yang berada dalam lingkungan akhir remaja dan awal dewasa. Selain daripada itu, tempoh masa ini (akhir remaja dan awal dewasa) merupakan peringkat perkembangan manusia yang penuh dengan konflik dan cabaran samada daripada aspek personaliti, budaya, identiti dan lain-lain lagi.

Jadual 6 menunjukkan jenis gaya hidup mahasiswa Islam UTM berdasarkan min masing-masing. Analisis mendapati bahawa gaya hidup jenis akademik adalah paling dominan di kalangan mahasiswa dengan min tertinggi iaitu 3.41, diikuti dengan gaya hidup kepimpinan (min=3.30), ketiga gaya hidup jenis sosial (min=2.61) dan, keempat gaya hidup jenis individualistik (min=2.53).

Jadual 6: Jenis Gaya Hidup Mahasiswa Islam

Gaya Hidup	Min
Akademik	3.41
Kepimpinan	3.30
Sosial	2.61
Individualistik	2.53

Daripada keputusan di atas, menunjukkan bahawa gaya hidup mahasiswa Islam yang lebih dominan ialah gaya hidup akademik dan kepimpinan. Ini merupakan petanda yang baik kerana ia bertepatan dengan peranan yang sedang dihadapi oleh mereka sebagai golongan intelek dan bakal menjadi pemimpin pada masa hadapan. Di peringkat perkembangan individu pula, ini merupakan masa untuk mereka membentuk identiti diri. Mereka memerlukan rol model dan rakan yang setanding dengan mereka untuk memberikan sokongan dan cabaran agar menjadi seorang yang bertanggung jawab, berdisiplin dan bermoral tinggi. Oleh itu melibatkan diri dengan aktiviti kepimpinan memberikan mereka pengalaman untuk memimpin dan dipimpin dalam masyarakat apabila tamat pengajian nanti.

KESIMPULAN

Hakikatnya, setiap unsur di sekeliling manusia sangat berkait rapat antara satu sama lain sebagai pelengkap kehidupan. Berdasarkan kajian ini, boleh dikatakan gaya hidup seseorang mahasiswa

Islam dipengaruhi oleh tahap amalan agamanya. Walaupun didapati tahap pengetahuan agama mahasiswa Islam adalah tinggi, namun tahap amalan agama mereka berada pada tahap yang sederhana dan hubungan antara kedua-dua aspek ini adalah sangat lemah. Ini bermakna walaupun tahap pengetahuan agama mahasiswa Islam UTM adalah tinggi, tetapi mereka kurang mengaplikasikan ilmu yang dimiliki dalam kehidupan seharian mereka.

Perkara ini mestilah diambil perhatian oleh pihak kolej kediaman dan universiti dengan mengadakan aktiviti yang mengintegrasikan aspek keagamaan dengan rekreasi misalnya, untuk menarik penglibatan lebih ramai mahasiswa Islam. Konsep Islam Hadhari yang cuba diterapkan dalam masyarakat kita perlu diberi penerangan yang jelas kepada mahasiswa supaya diharapkan mereka akan menjadi tonggak kepimpinan yang seimbang daripada segi jasmani, emosi, rohani dan intelek seperti yang diharapkan oleh falsafah pendidikan negara.

RUJUKAN

Sayid Sabiq. (1982). *Aqidah Islam*. Terjemahan oleh Moh Abdai Rathomy. Edisi Ke 3. Jawa Barat: Ikatan Penerbit Indonesia.

Yusuf Al-Qardawi. (1999). *Umat Islam Menangani Cabaran dan Tentangan Zaman*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publisher.